

PENDEKATAN TERAPI PSIKOSPIRITUAL BAGI GOLONGAN LGBT YANG BERHIJRAH BERDASARKAN HADIS-HADIS TERPILIH DI DALAM MUKHTASAR SAHIH AL-BUKHARI OLEH IBN ABI JAMRAH

PSYCHOSPIRITUAL THERAPEUTIC APPROACH FOR REPENTANT LGBT INDIVIDUALS BASED ON SELECTED HADITHS IN MUKHTASAR SAHIH AL-BUKHARI BY IBN ABI JAMRAH

Mohd. Sobri Ellias^{1*}

Mohd Zohdi Mohd Amin²

Muhammad Luqman Hakim Abdul Rahim³

¹ Faculty of Quranic and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia (E-mail: sobri.ellias@usim.edu.my)

² Faculty of Quranic and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia (E-mail: zohdi@usim.edu.my)

³ Faculty of Quranic and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia (E-mail: 3232668@raudah.usim.edu.my)

*Corresponding author: Author A email address

Article history

Received date : 19-6-2025

Revised date : 20-6-2025

Accepted date : 25-7-2025

Published date : 15-8-2025

To cite this document:

Ellias, M. S., Mohd Amin, M. Z., & Abdul Rahim, M. L. H (2025). Pendekatan terapi psikospiritual bagi golongan LGBT yang berhijrah berdasarkan hadis-hadis terpilih di dalam Mukhtasar Sahih Al-Bukhari oleh Ibn Abi Jamrah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (74), 259 - 273.

Abstrak: Pendekatan psikospiritual dalam bimbingan golongan LGBT yang berhijrah memainkan peranan penting dalam membantu mereka menghadapi cabaran emosi, sosial, dan spiritual pasca-hijrah. Namun, didapati bahawa modul bimbingan yang berasaskan hadis-hadis dari Sahih al-Bukhari masih lagi kurang dihasilkan dalam membantu golongan ini menghadapi cabaran emosi dan spiritual yang mereka hadapi selepas berhijrah. Justeru, kajian ini bertujuan menganalisis hadis-hadis terpilih dalam kitab Mukhtasar Sahih Al-Bukhari karangan Ibn Abi Jamrah yang berkaitan dengan aspek psikospiritual, bagi membangunkan pendekatan yang sesuai dalam membimbing golongan ini ke arah yang lebih baik setelah berhijrah. Masalah utama yang diketengahkan adalah kurangnya model bimbingan yang holistik dan berlandaskan sumber Islam yang autentik untuk membantu golongan ini menjadi muslim yang komited dengan hukum-hakam dalam Islam serta membantu mereka agar terus beristiqamah dan mengelakkan relapse. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah analisis kandungan terhadap hadis-hadis yang membincangkan aspek kesabaran, taubat, ancaman azab, kematian serta pembangunan jiwa. Hasil kajian menunjukkan bahawa hadis-hadis dalam kitab Mukhtasar Sahih Al-Bukhari ini memberikan panduan yang jelas mengenai strategi pemulihan spiritual, kekuatan dalaman, dan hubungan dengan Allah sebagai teras utama dalam menangani konflik dalaman serta cabaran sosial pasca penghijrahan.

Kesimpulannya, pendekatan psikospiritual yang berpaksikan kepada hadis-hadis Nabawi dapat menjadi panduan dalam merangka model bimbingan yang efektif bagi golongan LGBT yang berhijrah, selaras dengan prinsip rahmatan lil 'alamin dalam Islam.

Kata Kunci: Psikospiritual, LGBT, Panduan Nabawi, hijrah, al-Bukhari

Abstract: *The psychospiritual approach in guiding LGBT individuals who have chosen to repent and reform plays a crucial role in helping them confront the emotional, social, and spiritual challenges they face after their transformation. However, it has been observed that guidance modules based on hadiths from Sahih al-Bukhari are still lacking in effectively assisting this group in dealing with the emotional and spiritual struggles experienced post-repentance. Therefore, this study aims to analyse selected hadiths in Mukhtasar Sahih Al-Bukhari by Ibn Abi Jamrah that are related to psychospiritual dimensions, with the objective of developing a suitable approach to guide these individuals towards sustained transformation. The main problem highlighted is the lack of a holistic and authentic Islamic-based guidance model to assist them in becoming Muslims who are firmly committed to Islamic rulings, while also helping them remain steadfast and avoid relapse. This study adopts a qualitative approach using content analysis of hadiths that discuss aspects such as patience (ṣabr), repentance (tawbah), divine punishment, death, and inner spiritual development. The findings reveal that the hadiths within Mukhtasar Sahih Al-Bukhari provide clear guidance on spiritual recovery strategies, internal strength, and one's connection with Allah as the central element in addressing inner conflicts and post-repentance social challenges. In conclusion, a psychospiritual approach rooted in Prophetic traditions offers a constructive foundation for designing an effective guidance model for repentant LGBT individuals, in alignment with the Islamic principle of rahmatan lil 'alamin (mercy to all creation).*

Keywords: Psychospiritual, LGBT, Prophetic Guidance, Hijrah, al-Bukhari.

Pendahuluan

Fenomena perubahan gaya hidup daripada amalan yang tidak selari dengan nilai-nilai moral kepada kehidupan yang lebih baik merupakan satu perkembangan positif dalam Masyarakat (Kurniawan et al., 2023). Kesedaran yang timbul dalam diri individu untuk berhijrah ke arah kebaikan bukan sahaja memberi manfaat kepada diri mereka sendiri, malah turut menyumbang kepada pengurangan masalah sosial dalam komuniti (Nurhadhinah Omar Ali & Dayangku Aslinah Abd. Rahim, 2020). Namun, proses penghijrahan ini bukan sesuatu yang mudah, terutama bagi golongan yang pernah terlibat dalam gaya hidup yang bercanggah dengan nilai Islam. Mereka berdepan dengan cabaran besar, termasuk risiko *relapse* akibat tekanan emosi, sosial, dan persekitaran yang tidak menyokong perubahan mereka (Mohd Manawi bin Mohd Akib et al., 2024). Oleh itu, golongan ini memerlukan sokongan yang berterusan agar mereka dapat mengekalkan keistiqamahan dalam kehidupan baharu yang lebih harmoni dan berlandaskan fitrah insani.

Menurut Suriani Sudi (2022), salah satu pendekatan yang dapat membantu golongan ini untuk terus teguh dengan perubahan mereka ialah bimbingan psikospiritual Islam yang menekankan elemen terapi kerohanian. Pendekatan ini berfungsi sebagai benteng dalam mengukuhkan ketahanan jiwa dan emosi individu yang berhijrah, selain membantu mereka kembali kepada fitrah asal sebagai hamba Allah yang beriman. Antara kaedah yang berkesan dalam terapi psikospiritual Islam ialah penghayatan terhadap hadis-hadis Nabawi, kerana pesanan

Rasulullah bersifat universal dan mampu menyentuh jiwa manusia dengan hikmah serta kasih saying (Shahril Nizam Zulkipli et al., 2023). Dalam konteks ini, *Mukhtasar Sahih Al-Bukhari* yang disusun oleh Ibn Abi Jamrah menjadi salah satu sumber penting yang mengandungi hadis-hadis berkaitan pembangunan jiwa dan penyucian diri. Oleh itu, kajian ini bertujuan menganalisis hadis-hadis terpilih dalam karya tersebut bagi membangunkan satu pendekatan bimbingan psikospiritual yang berkesan dalam membantu golongan LGBT yang berhijrah agar kekal istiqamah dalam perubahan mereka.

Penyataan Masalah

Setiap insan dilahirkan dalam keadaan fitrah yang suci dan bersih, namun persekitaran yang kurang kondusif sering menjadi faktor utama yang membawa kepada penyimpangan daripada nilai-nilai Islam yang sebenar (Suriadi Samsuri, 2020). Pengaruh keluarga, rakan sebaya, media, serta masyarakat secara tidak langsung membentuk personaliti dan pegangan seseorang, sehingga ada yang terjebak dalam gaya hidup yang bercanggah dengan fitrah manusia (Mardhiyyah Zamani & Nurazan Mohmad Rouyan, 2016). Akibatnya, mereka berdepan dengan pelbagai konflik jiwa, permasalahan akhlak, serta cabaran dalam membina jati diri yang kukuh. Namun, Islam sebagai agama rahmat sentiasa membuka pintu taubat dan memberikan ruang bagi sesiapa sahaja untuk kembali ke jalan yang benar (Noraini Mohamad et al., 2022). Golongan yang telah menyedari kesilapan lalu dan berusaha memperbaiki diri agar komited dengan ajaran agama dikenali sebagai golongan berhijrah, yang mengambil keputusan meninggalkan kehidupan lama yang penuh dengan maksiat serta dosa dan berusaha untuk mendekatkan diri kepada Allah (Andi, 2019). Namun, penghijrahan ini bukanlah sesuatu yang mudah, kerana ia memerlukan kekuatan dalaman yang tinggi serta bimbingan yang berterusan untuk memastikan mereka kekal istiqamah dalam perubahan yang dilakukan (Agung Tirta Wibawa et al., 2021).

Walaupun Islam menyediakan ruang seluas-luasnya bagi mereka yang ingin bertaubat, realiti menunjukkan bahawa ramai dalam kalangan golongan berhijrah berdepan dengan cabaran besar dalam mengekalkan keistiqamahan mereka (Rahmatullah, 2019). Tekanan sosial, stigma masyarakat, serta kecenderungan psikologi yang masih terpengaruh dengan kehidupan lampau menyebabkan mereka mudah mengalami *relapse*, iaitu kembali kepada gaya hidup lama yang ingin ditinggalkan (Hashim, 2020). Fenomena ini berlaku kerana mereka sering kali berjuang sendirian tanpa bimbingan dan sokongan yang kukuh daripada komuniti. Tambahan pula, sistem sokongan yang sedia ada masih belum cukup untuk memenuhi keperluan unik golongan ini, terutama dalam aspek terapi spiritual dan pemulihan emosi (Salhah Abdullah et al., 2014). Oleh itu, terdapat keperluan mendesak untuk membangunkan satu pendekatan khusus yang dapat membantu mereka mengukuhkan ketahanan jiwa dan mengekalkan kesungguhan dalam perubahan diri agar tidak kembali ke kancang lama.

Di sebalik pelbagai inisiatif yang telah dijalankan oleh pelbagai pihak dalam membantu golongan berhijrah, masih terdapat kekurangan dari segi kepakaran serta modul bimbingan yang benar-benar berkesan dan sesuai dengan latar belakang mereka. Pendekatan dakwah tradisional yang bersifat terlalu akademik atau rigid sering kali kurang menarik minat golongan ini, yang pada asalnya lebih cenderung kepada hiburan dan gaya penyampaian yang Santai. Mohd Zodi Mohd Amin et al., (2023) berkata bahawa bahan rujukan agama yang bersifat berat dan teknikal adakalanya sukar untuk dihayati oleh golongan berhijrah, menyebabkan mereka tidak mendapat manfaat yang optimum daripada program-program bimbingan yang disediakan. Justeru, pendekatan yang lebih praktikal dan mesra jiwa amat diperlukan bagi memastikan

mereka benar-benar mendapat manfaat daripada bimbingan yang diberikan serta dapat terus kekal di atas jalan kebaikan yang telah mereka pilih (Ahmad Redzuwan Mohd Yunus, 2010).

Dalam hal ini, hadis Nabawi merupakan sumber yang sangat sesuai untuk dijadikan bahan utama dalam bimbingan golongan berhijrah. Rasulullah SAW dikenali sebagai pendakwah yang penuh dengan hikmah, dengan tutur kata yang menyentuh hati serta pendekatan yang sangat berhikmah dalam membimbing manusia kembali ke jalan Allah (Wan Zuhaira Nasrin Wan Zainudin, 2024). Menurut Suriani Sudi et al., (2022) hadis-hadis Baginda mempunyai unsur *jawami' al-kalim*, iaitu kata-kata yang ringkas tetapi padat dengan makna yang mendalam dan menyentuh aspek psikospiritual manusia. Oleh itu, sangat penting untuk menjadikan hadis Nabawi sebagai medium utama dalam terapi psikospiritual bagi golongan berhijrah, khususnya mereka yang pernah terjebak dalam gaya hidup LGBT. Namun, bagi memastikan keberkesannya, satu proses penapisan dan pemilihan hadis yang bersesuaian perlu dilakukan, agar mesej yang disampaikan benar-benar dapat menyentuh jiwa serta memberi motivasi yang kuat kepada mereka untuk terus beristiqamah dalam perjalanan hijrah mereka (Zuraidah Abdullah et al., 2018). Kajian ini bertujuan untuk menganalisis hadis-hadis terpilih dalam *Mukhtasar Sahih Al-Bukhari* karangan Ibn Abi Jamrah bagi membangunkan satu model bimbingan psikospiritual Islam yang efektif untuk golongan LGBT yang berhijrah, selaras dengan prinsip rahmatan lil 'alamin dalam Islam.

Sorotan Literatur

Terdapat tiga pendekatan utama yang lazim digunakan dalam penulisan sorotan literatur, iaitu secara kronologi, secara tematik, dan berdasarkan metodologi kajian. Selaras dengan fokus artikel ini yang meneliti pendekatan psikospiritual Islam berdasarkan hadis-hadis terpilih dalam *Mukhtasar Sahih al-Bukhari* karya Ibn Abi Jamrah bagi membimbing golongan LGBT yang berhijrah, penulis memilih pendekatan tematik. Oleh itu, sorotan literatur dalam artikel ini disusun berdasarkan enam tema utama.

Konsep Psikospiritual dalam Islam

Psikospiritual dalam Islam merujuk kepada konsep integrasi antara aspek psikologi dan spiritual yang bertujuan untuk membentuk kesejahteraan mental, emosi, dan rohani individu. Definisi psikospiritual sering dikaitkan dengan pembangunan individu secara menyeluruh, di mana keseimbangan antara aspek dalaman dan luaran diperlukan untuk mencapai ketenangan jiwa (Rahman, 2018). Dalam Islam, kepentingan psikospiritual bukan sahaja membantu individu memahami diri dan tujuan hidup, tetapi juga berperanan dalam memperkukuhkan hubungan manusia dengan Allah SWT (Al-Ghazali, 2004). Konsep ini menekankan kepentingan penyucian jiwa (*tazkiyah al-nafs*), pengendalian emosi melalui keimanan, dan kepatuhan kepada nilai-nilai syarak sebagai panduan kehidupan (Ibn Qayyim, 2017). Oleh itu, memahami psikospiritual dalam Islam adalah penting dalam usaha membangunkan individu yang seimbang dari segi emosi dan spiritual, sekaligus memberi impak positif kepada masyarakat secara keseluruhan.

Elemen psikospiritual dalam al-Quran dan Hadis memainkan peranan penting dalam membimbing manusia ke arah kesejahteraan mental dan rohani. Dalam al-Quran, Allah SWT menekankan aspek ketenangan jiwa melalui keimanan dan penghayatan ibadah seperti dalam firman-Nya: "*Ketahuilah bahawa dengan mengingati Allah hati akan menjadi tenang*" (Surah ar-Ra'd, 13:28). Hadis Nabi Muhammad SAW juga banyak menyentuh mengenai pentingnya ketahanan jiwa dan pengurusan emosi, seperti sabda Baginda: "*Orang yang kuat bukanlah yang menang dalam pergaduhan, tetapi yang mampu mengawal dirinya ketika marah*" (HR. Bukhari

& Muslim). Elemen-elemen psikospiritual dalam al-Quran dan Hadis merangkumi aspek kesabaran (*sabr*), syukur (*shukr*), dan tawakal kepada Allah SWT yang menjadi asas kepada kestabilan emosi dan mental seseorang (Al-Ghazali, 2004). Selain itu, konsep *muraqabah* (kesedaran bahawa Allah sentiasa mengawasi) membantu individu mengawal tindakan dan pemikiran mereka dalam menghadapi cabaran kehidupan (Ibn Qayyim, 2017). Oleh itu, penghayatan elemen-elemen psikospiritual ini dapat membantu individu menangani tekanan hidup dengan lebih berkesan.

Psikospiritual dalam Islam juga berperanan sebagai mekanisme pemulihan emosi dan mental, terutama bagi individu yang menghadapi tekanan, kebimbangan, atau kemurungan. Pendekatan psikospiritual Islam menekankan hubungan erat antara ibadah dan kesihatan mental, di mana ibadah seperti solat, zikir, dan doa berfungsi sebagai terapi rohani yang memberikan ketenangan dan keseimbangan emosi (Rahman, 2018). Kajian menunjukkan bahawa amalan kerohanian yang konsisten dapat mengurangkan tekanan dan meningkatkan daya tahan individu dalam menghadapi cabaran hidup (Nasir & Muhamad, 2020). Selain itu, konsep *husn al-zann billah* (bersangka baik terhadap Allah) dan *istikharah* (memohon petunjuk dalam keputusan hidup) turut menjadi elemen penting dalam membantu individu mengatasi ketidakpastian dan kegelisahan (Al-Attas, 2001). Oleh itu, psikospiritual Islam menawarkan pendekatan holistik yang bukan sahaja menyentuh aspek kepercayaan dan ibadah, tetapi juga memberi kesan langsung kepada kesejahteraan mental dan emosi.

Secara keseluruhannya, konsep psikospiritual dalam Islam adalah satu mekanisme penting dalam pembangunan individu, pembentukan kestabilan emosi, dan pemulihan mental. Definisi dan kepentingan psikospiritual dapat dilihat dalam keseimbangan antara aspek psikologi dan rohani yang membantu seseorang mencapai ketenangan jiwa. Elemen-elemen psikospiritual yang terdapat dalam al-Quran dan Hadis memberikan panduan yang jelas tentang bagaimana manusia boleh mengurus tekanan dan membangunkan ketahanan dalaman melalui keimanan dan ibadah. Sebagai mekanisme pemulihan emosi dan mental, psikospiritual Islam menawarkan pendekatan yang unik dengan mengintegrasikan ibadah dan pengukuhan spiritual untuk membantu individu menghadapi cabaran hidup. Oleh itu, kajian lanjut dalam bidang ini amat penting bagi mengembangkan lagi pemahaman tentang peranan psikospiritual dalam kehidupan moden dan memberikan manfaat yang lebih luas kepada masyarakat.

Konsep Taubat dan Tazkiyah al-Nafs dalam Mukhtasar Ibn Abi Jamrah

Konsep taubat dalam Islam bukan sekadar tindakan menyesali dosa, tetapi suatu mekanisme spiritual dan psikologi untuk kembali kepada fitrah. Dalam *Mukhtasar Sahih al-Bukhari*, Ibn Abi Jamrah menyusun hadis-hadis yang menekankan sifat Allah Yang Maha Pengampun dan penerimaan-Nya terhadap taubat seorang hamba, tanpa syarat yang membebaskan. Hadis seperti “Allah redha dengan taubat hamba-Nya” (al-Bukhari, 2000) memberi isyarat bahawa proses kembali kepada Allah dengan cara bertaubat adalah suatu usaha yang begitu disambut dengan baik oleh Allah. Bagi golongan LGBT yang berhijrah, naratif ini memberi nafas baharu kepada usaha mereka untuk memperbaiki diri tanpa terus dibayangi masa silam. Penekanan terhadap taubat nasuha yang disertai dengan keikhlasan, penyesalan dan keazaman untuk tidak mengulang lagi kesalahan pada masa akan datang menjadi kerangka utama dalam proses ini (Ibn Abi Jamrah, n.d.). Menurut Che Zarrina et al. (2018), taubat bukan sahaja bersifat spiritual, tetapi turut membina semula keseimbangan emosi yang telah terganggu akibat perasaan berdosa yang menebal. Dalam konteks ini, pendekatan Islam tidak menolak individu yang berdosa, tetapi mengiktiraf perjuangan mereka untuk berubah sebagai satu nilai yang tinggi pada Allah ta‘ala. Oleh itu, memahami konsep taubat seperti yang dihuraikan dalam karya Ibn Abi Jamrah

membolehkan intervensi spiritual digarap secara lebih berempati, relevan dan membina bagi individu yang mahu kembali kepada fitrah.

Tazkiyah al-Nafs sebagai Proses Pemurnian Jiwa

Sementara itu, *Tazkiyah al-nafs* pula adalah proses lanjutan kepada taubat yang menekankan pembentukan jiwa yang suci dan tunduk kepada perintah Allah. Ibn Abi Jamrah menekankan melalui pilihan hadis-hadis dalam *Mukhtasar* beliau bahawa pembersihan jiwa bukan sahaja melibatkan penyesalan terhadap dosa, tetapi juga pembangunan akhlak seperti sabar, syukur, tawaduk dan sentiasa melakukan muhasabah. Hadis “Demi sesungguhnya setiap amalan yang baik tidak diterima melainkan dengan niat” menjadi asas penting dalam kerangka *tazkiyah* kerana ia menunjukkan bahawa niat yang ikhlas adalah titik mula bagi memperbaiki diri (al-Bukhari, 2000). Dalam konteks golongan LGBT yang ingin berhijrah, proses *tazkiyah* menyediakan satu kerangka psikospiritual yang amat membantu untuk mereka membina semula kepercayaan terhadap diri di mana mereka mampu berubah dan memperbaiki hubungan dengan Allah. Menurut Nasaruddin Umar (2023), proses *tazkiyah* ini boleh dilihat sebagai pendekatan psikoterapi Islam yang bukan sahaja menyentuh aspek spiritual, tetapi juga memberi kesan terhadap kestabilan emosi dan sosial. Kajian oleh Che Zarrina dan Sharifah Basirah (2013) turut menunjukkan bahawa *tazkiyah* berfungsi sebagai terapi pencegahan terhadap gangguan emosi yang sering berlaku dalam kalangan remaja Muslim yang mengalami krisis identiti. Dalam hal ini, proses *tazkiyah* bukan sekadar teori tasawuf, tetapi boleh dijadikan asas dalam proses intervensi kontemporari, terutama dalam kerangka pemulihan spiritual bagi mereka yang sedang mencari kembali identiti mereka yang sebenar.

Hubungan antara Taubat dan Tazkiyah dalam Kerangka Psikospiritual

Dalam kerangka psikospiritual Islam, taubat dan *tazkiyah al-nafs* saling berkait dan tidak boleh dipisahkan. Taubat merupakan titik mula kepada perubahan, manakala *tazkiyah* pula ialah perjalanan berterusan dalam menyucikan jiwa daripada kotoran batin. Ibn Abi Jamrah melalui himpunan hadis-hadis dalam *Mukhtasarnya* mengilustrasikan bahawa proses kembali kepada Allah tidak berhenti dengan penyesalan, tetapi perlu diteruskan dengan tindakan rohani seperti memperbanyakkan amal soleh, zikir, muhasabah dan membina sifat positif dalam diri. Dalam konteks pemulihan LGBT yang berhijrah, gabungan taubat dan *tazkiyah* dapat membantu mereka membentuk ketahanan rohani dan psikologi untuk menghadapi cabaran dalaman dan luaran pasca hijrah. Kajian oleh Kamarulzaman dan Saifuddin (2018) menekankan bahawa pendekatan psikospiritual Islam berupaya menangani tekanan jiwa dan keretakan sosial yang dihadapi oleh golongan ini. Apabila seseorang diberi ruang untuk bertaubat dan disokong dalam usaha memperbaiki diri, mereka tidak hanya merasa diterima tetapi turut termotivasi untuk terus berubah. Ini selaras dengan falsafah Islam bahawa setiap insan berpotensi untuk berubah dan meningkat darjatnya jika mereka komited terhadap proses *tazkiyah*. Justeru, integrasi antara taubat dan *tazkiyah* bukan sahaja penting dari sudut teologi, malah merupakan satu model pemulihan jiwa yang berdaya tahan dan praktikal dalam realiti semasa.

Relevansi Konsep Ini dalam Bimbingan untuk Golongan Berhijrah

Menggunakan konsep taubat dan *tazkiyah* seperti yang dihuraikan oleh Ibn Abi Jamrah dalam pendekatan intervensi terhadap golongan LGBT yang berhijrah adalah sangat relevan kerana ia bukan hanya menyentuh aspek hukum, tetapi juga dimensi penyembuhan jiwa. Konsep *tazkiyah al-nafs* atau penyucian jiwa merupakan asas dalam membentuk ketahanan dalaman agar mereka lebih teguh dalam menghadapi godaan dan tekanan hidup (Al-Ghazali, 2004). Selain itu, sokongan sosial melalui institusi masjid, pusat bimbingan Islam, dan kumpulan sokongan berasaskan agama dapat memberikan mereka ruang yang selamat untuk pulih secara spiritual

dan sosial (Kamarulzaman & Saifuddin, 2018). Pendidikan agama yang bersifat inklusif dan berorientasikan bimbingan, bukannya hukuman, juga penting dalam memastikan mereka mendapat pemahaman yang betul mengenai konsep taubat dan rahmat Allah (Qaradawi, 2006). Pendekatan psikospiritual Islam yang menekankan aspek kesabaran, doa, dan muhasabah diri boleh menjadi alat yang berkesan dalam membantu individu LGBT yang berhijrah untuk mengekalkan perubahan mereka dan mengelakkan relapse. Melalui pemahaman konsep-konsep utama dalam *Mukhtasar* Ibn Abi Jamrah ini, pendekatan bimbingan boleh disusun dengan lebih bersifat empati, bersandarkan sumber nas yang sahih serta bersifat terapeutik.

Isu Relapse dan Cabaran Pasca-Hijrah bagi Golongan LGBT

Fenomena relapse dalam kalangan individu LGBT yang berhijrah merujuk kepada kembalinya mereka kepada gaya hidup terdahulu setelah melalui proses perubahan dan bimbingan. Relapse dalam perubahan gaya hidup sering berlaku akibat pelbagai faktor, termasuk kekangan dalaman dan luaran yang mempengaruhi kestabilan seseorang individu. Faktor psikologi seperti tekanan emosi, perasaan kesunyian, dan kemurungan boleh mencetuskan keinginan untuk kembali kepada gaya hidup lama (Boyd et al., 2020). Selain itu, sokongan sosial yang lemah daripada keluarga dan masyarakat juga menjadi penyebab utama kepada relapse, terutama apabila individu yang berhijrah merasa tersisih dan tidak mendapat bimbingan yang mencukupi (Mustanski et al., 2017). Faktor lain seperti pengaruh rakan sebaya yang masih mengamalkan gaya hidup LGBT dan normalisasi budaya hedonistik dalam media turut menyumbang kepada cabaran bagi mereka yang ingin meneruskan kehidupan baharu (Rosario & Schrimshaw, 2019). Oleh itu, memahami faktor-faktor ini adalah penting bagi merangka intervensi yang berkesan untuk membantu golongan ini mengekalkan perubahan mereka.

Selain faktor-faktor yang menyebabkan relapse, golongan LGBT yang berhijrah juga berdepan dengan pelbagai cabaran psikologi dan sosial yang boleh mengancam kestabilan mereka. Dari aspek psikologi, individu yang sedang berhijrah sering mengalami konflik identiti dan tekanan kognitif akibat pertentangan antara pengalaman lalu dan nilai baharu yang mereka cuba amalkan (Hatzenbuehler, 2016). Perasaan bersalah dan ketakutan terhadap penerimaan masyarakat turut membebankan mereka, terutamanya apabila berhadapan dengan stigma yang masih kuat dalam kalangan masyarakat Muslim konservatif (Meyer, 2020). Dari aspek sosial, mereka sering menghadapi kesukaran dalam membina hubungan sosial baharu yang menyokong perubahan mereka, terutamanya jika mereka tidak diterima dalam komuniti Islam yang lebih luas (Frost et al., 2019). Kesukaran mendapatkan pekerjaan, tempat tinggal, dan akses kepada sokongan psikospiritual juga merupakan antara cabaran utama yang menyebabkan mereka kembali kepada kehidupan terdahulu. Oleh itu, strategi jangka panjang diperlukan bagi memastikan mereka mendapat sokongan psikologi dan sosial yang berterusan.

Dalam menangani isu relapse ini, pendekatan Islam menawarkan strategi yang holistik untuk membantu individu LGBT yang berhijrah mengekalkan perubahan mereka. Konsep *tazkiyah al-nafs* atau penyucian jiwa merupakan asas dalam membentuk ketahanan dalaman agar mereka lebih teguh dalam menghadapi godaan dan tekanan hidup (Al-Ghazali, 2004). Selain itu, sokongan sosial melalui institusi masjid, pusat bimbingan Islam, dan kumpulan sokongan berasaskan agama dapat memberikan mereka ruang selamat untuk berkembang secara spiritual dan sosial (Kamarulzaman & Saifuddin, 2018). Pendidikan agama yang bersifat inklusif dan berorientasikan bimbingan, bukannya hukuman, juga penting dalam memastikan mereka mendapat pemahaman yang betul mengenai konsep taubat dan rahmat Allah (Qaradawi, 2006). Pendekatan psikospiritual Islam yang menekankan aspek kesabaran, doa, dan muhasabah diri

boleh menjadi alat yang berkesan dalam membantu individu LGBT yang berhijrah untuk mengekalkan perubahan mereka dan mengelakkan relapse.

Secara keseluruhannya, isu relapse dalam kalangan golongan LGBT yang berhijrah adalah satu cabaran yang kompleks dan memerlukan pendekatan yang menyeluruh bagi menanganinya. Faktor-faktor yang menyumbang kepada relapse termasuklah tekanan emosi, kekurangan sokongan sosial, serta pengaruh rakan dan media. Cabaran psikologi dan sosial yang mereka hadapi juga memperlihatkan betapa perlunya sokongan yang lebih sistematik dalam komuniti. Dalam konteks Islam, strategi pencegahan relapse dapat diterapkan melalui pendekatan psikospiritual yang menekankan pembangunan jiwa, bimbingan berterusan, dan integrasi sosial yang lebih inklusif. Oleh itu, adalah penting bagi masyarakat, organisasi keagamaan, dan kerajaan untuk membentuk sistem sokongan yang lebih komprehensif agar golongan ini dapat menjalani kehidupan pasca-hijrah dengan lebih stabil dan bermakna.

Metodologi Kajian

Kajian kualitatif ini dijalankan dalam tiga fasa utama bagi menghasilkan dapatan yang sistematik dan komprehensif dalam usaha membangunkan model terapi psikospiritual Islam khusus untuk golongan LGBT yang berhijrah. Reka bentuk ini dipilih bagi menggabungkan sorotan teori, analisis teks hadis dan integrasi dapatan secara berstruktur, sejajar dengan pendekatan grounded theory (Corbin & Strauss, 2015) dan keperluan untuk membina teori berdasarkan data yang kukuh.

Fasa Pertama: Pemetaan Konsep dan Sorotan Literatur

Fasa ini bertujuan meneroka asas konsep bimbingan spiritual dalam Islam melalui kajian perpustakaan yang melibatkan analisis terhadap jurnal, prosiding, dan tesis akademik berkaitan dengan terapi rohani dan pendekatan psikospiritual. Selain itu, sumber-sumber primer Islam seperti al-Qur'an, hadis sahih, serta kitab-kitab klasik dan kontemporari seperti *Ihya' 'Ulum al-Din* dan *Madarij al-Salikin* turut dianalisis untuk mengenal pasti pendekatan-pendekatan bimbingan rohani yang diasaskan oleh Sunnah. Pemilihan dokumen dibuat berdasarkan kredibiliti ilmiah, kesesuaian dengan konteks penghijrahan dan keberkesanan pendekatan terhadap penyucian jiwa (*tazkiyah al-nafs*). Proses analisis dijalankan secara deskriptif dengan mengenal pasti konsep-konsep utama yang dapat dijadikan asas kepada struktur terapi, seperti konsep *taubah*, *mujahadah*, *sabr*, dan *husn al-zann* (al-Ghazali, 2005; al-Qayyim, 2002). Ini membolehkan padanan awal dilakukan antara keperluan spiritual golongan berhijrah dan prinsip terapi Islam berasaskan wahyu.

Fasa Kedua: Pemilihan dan Analisis Hadis dalam *Mukhtasar Sahih al-Bukhari*

Fasa kedua merupakan tunjang kepada pembinaan model terapi psikospiritual kerana ia melibatkan proses pemilihan, penyaringan dan analisis langsung terhadap teks hadis daripada *Mukhtasar Sahih al-Bukhari* karya Ibn Abi Jamrah. Kitab ini dipilih sebagai sumber utama kajian berdasarkan tiga justifikasi utama. Pertama, kitab ini merupakan ringkasan kepada *Sahih al-Bukhari* yang disusun secara tematik oleh Ibn Abi Jamrah (w. 699H), seorang ulama hadis dan sufi terkenal. Karya ini mengekalkan autoriti dan kesahihan sanad serta matan hadis Bukhari, di samping menampilkan pendekatan kerohanian yang sesuai dengan objektif psikospiritual (Nasr, 2006). Kedua, pemfokusan kitab ini terhadap dimensi akhlak, nilai moral dan introspeksi menjadikannya relevan dengan cabaran rohani yang dihadapi oleh golongan LGBT yang berhijrah. Ketiga, kitab ini digunakan secara meluas dalam pengajian rohani tradisional dan terbukti bernilai dalam pembangunan diri berasaskan wahyu (Dahlan, 2022).

Sebanyak 94 buah hadis telah dikenal pasti dalam kitab ini yang berpotensi mengandungi nilai-nilai psikospiritual yang sesuai untuk dimasukkan dalam modul terapi. Proses pemilihan hadis dilakukan secara sistematik berdasarkan tiga kriteria utama:

1. Nilai moral yang membina akhlak dalaman (seperti sabar, tawaduk, taubat),
2. Dimensi spiritual yang menghubungkan manusia dengan Allah (seperti zikrullah, ikhlas),
3. Aspek sosial yang mendorong hubungan sihat dan sokongan emosi (seperti ukhuwah, kasih sayang, empati).

Kaedah analisis yang digunakan ialah analisis tematik berstruktur, seperti yang dicadangkan oleh Braun dan Clarke (2006). Proses ini melibatkan lima langkah utama: (1) pengenalan data, (2) pembinaan kod awal, (3) pencarian tema, (4) semakan dan pemurnian tema, dan (5) penamaan serta pencerahan tema secara konseptual. Hadis-hadis yang memenuhi kriteria dianalisis dengan menggunakan perisian Atlas.ti, yang membantu dalam mengenal pasti kod, membina tema, dan memetakan kesesuaian hadis kepada komponen Model Baharu Terapi Psikospiritual Berdasarkan Quran dan Sunnah (TrIPSI), yang dibangunkan melalui geran FRGS oleh USIM (USIM Research Centre, 2021).

Contohnya, hadis “Sifat malu itu tidak datang kecuali membawa kebaikan” (al-Bukhari, no. 601) dikodkan di bawah tema akhlak dalaman, lalu dipetakan kepada komponen (10) Malu dalam domain *Akhlak (Ihsan)*. Begitu juga dengan hadis “Tiada seorang pun yang diberi kurnia yang lebih baik dan lebih luas daripada kesabaran” (al-Bukhari, no. 6470), dikodkan di bawah pengurusan emosi dan dipetakan kepada komponen (7) Sabar.

Hasil analisis ini menghasilkan tiga domain utama seperti yang dipaparkan dalam struktur Model TrIPSI, iaitu *Akhlak (Ihsan)*, *Ibadah (Islam)* dan *Aqidah (Iman)*. Secara keseluruhan, 14 elemen hubungan dengan Allah, 6 elemen hubungan dengan makhluk, 5 komponen ibadah wajib, dan 6 prinsip aqidah telah dikenalpasti dan dijadikan asas penyusunan modul dalam fasa berikutnya.


Fasa Ketiga: Sintesis dan Pembentukan Modul Terapi

Fasa ini melibatkan sintesis dapatan daripada Fasa I dan Fasa II, dengan tujuan untuk membina modul terapi psikospiritual Islam yang bersifat praktikal dan boleh dilaksanakan. Hadis-hadis terpilih kemudiannya diolah semula dalam bentuk teks bimbingan, dengan struktur yang terdiri daripada tajuk, pengenalan, syarahan ringkas, dan rumusan pengajaran untuk penghayatan nilai. Analisis dalam fasa ini menggunakan pendekatan grounded theory dan induktif, bagi membolehkan pengkaji mengenal pasti elemen-elemen berulang yang membentuk struktur intervensi rohani. Elemen-elemen seperti kesedaran diri, pengawalan emosi, refleksi spiritual, dan sokongan sosial dikenalpasti sebagai komponen utama terapi (Charmaz, 2014). Proses pemetaan data dilakukan dengan menggunakan Atlas.ti secara meluas, bagi memastikan koherensi antara data, tema, dan aplikasi model. Pendekatan ini juga memastikan ketelusan dan kebolehulangan dapatan, menjadikan modul yang dihasilkan bukan sahaja berpaksikan wahyu tetapi juga menepati kerangka penyelidikan saintifik yang sistematik dan empirikal.

Dapatan Kajian

Bahagian ini membentangkan dapatan utama kajian yang menghubungkan pendekatan psikospiritual Ibn Abi Jamrah dengan keperluan bimbingan rohani bagi golongan LGBT yang berhijrah. Fokus utama diberikan kepada analisis terhadap hadis-hadis terpilih dalam *Mukhtasar Sahih al-Bukhari*, khususnya dari segi penghayatan nilai iman, ibadah, dan akhlak.

Dapatan hadis-hadis terpilih tersebut dianalisis berdasarkan komponen-komponen terapi dalam model psikospiritual yang dicadangkan. Sebelum dihuraikan secara terperinci, rajah di bawah menunjukkan struktur asas Model Terapi Psiko-Spiritual bagi golongan LGBT berhijrah.



Kajian ini berpaksikan Model Baharu Terapi Psikospiritual Berdasarkan Quran dan Sunnah (TrIPSI), yang dibangunkan melalui geran FRGS oleh Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Model ini menjadi kerangka teoritikal utama bagi memahami bagaimana prinsip *aqidah*, *ibadah*, dan *akhlak* boleh digembleng sebagai terapi psiko-spiritual untuk golongan LGBT yang berhijrah. Berdasarkan analisis terhadap 94 hadis dalam *Mukhtasar Sahih al-Bukhari* karya Ibn Abi Jamrah, elemen-elemen dalam Model TrIPSI telah dikenalpasti dan dipetakan secara tematik. Setiap komponen dianalisis bukan sahaja dari sudut dalil dan makna literal, tetapi juga dari sudut aplikasi praktikal dalam kehidupan sebenar golongan yang berhijrah.

Komponen Aqidah: Menstruktur Semula Makna Hidup

Komponen aqidah melibatkan kepercayaan kepada enam rukun iman sebagai asas kepada pemulihan dalaman dan struktur keyakinan spiritual. Dalam konteks golongan LGBT yang berhijrah, aqidah berperanan penting dalam memberi makna semula terhadap pengalaman silam, membina kebergantungan kepada Allah, serta menerima takdir sebagai ujian yang boleh membina, bukan memusnahkan. Ibn Abi Jamrah menegaskan bahawa iman bukan hanya konsep teologi, tetapi satu proses transformatif dalaman yang menyentuh aspek emosi dan motivasi rohani (Ibn Abi Jamrah, 1997). Hadis tentang cabang iman yang menyatakan “Iman itu ada lebih dari 70 cabang” (al-Bukhārī, 2002) dimanfaatkan dalam terapi sebagai langkah membimbing individu untuk membina cabang demi cabang keimanan – bermula dari syahadah hingga kepada amalan kecil seperti menghindari keburukan.

Langkah praktikal yang dapat diambil ialah:

1. Menyediakan latihan penghayatan rukun iman melalui modul refleksi harian.
2. Menggunakan jurnal keimanan untuk mencatat perkembangan spiritual.
3. Melatih penerimaan qada' dan qadar melalui sesi kaunseling berbentuk tafakur terhadap ujian hidup.

Ini sejajar dengan pandangan Pargament (2007) yang menyatakan bahawa kepercayaan spiritual yang tulen dapat memberi ketahanan emosi ketika menghadapi tekanan dan konflik identiti.

Komponen Ibadah: Set Ibadat Rutin Sebagai Terapi

Ibadah bukan sekadar tuntutan syarak, tetapi juga intervensi rohani yang merawat kekacauan batin. Dalam konteks ini, ibadah seperti solat, zikir, dan taubat merupakan ritual harian yang dapat membantu mengurus emosi, memperbaiki kognisi, dan memupuk kestabilan jiwa. Ibn Abi Jamrah menyebut tentang solat sebagai “penenang bagi mata hati” dalam syarahannya terhadap hadis berkaitan solat (Ibn Abī Jamrah, 1997). Hadis mengenai lelaki yang membunuh seratus nyawa tetapi diampunkan kerana keikhlasan taubatnya (al-Bukhārī, 2002) memperkukuh kepercayaan bahawa amalan ibadah yang ikhlas adalah lebih bernilai daripada sejarah kelam seseorang.

Aplikasi praktikal bagi golongan berhijrah:

1. Rutin zikir pagi-petang bagi menstabilkan emosi dan memperkukuh kebergantungan kepada Allah.
2. Penyediaan modul latihan solat tahajjud dan istighfar sebagai ruang introspeksi.
3. Latihan taubat berstruktur, termasuk menulis doa-doa peribadi dan refleksi taubat.

Kajian oleh Hedayat-Diba (2000) membuktikan bahawa amalan ibadah berulang seperti solat dan zikir memberi kesan positif kepada kestabilan emosi dan perubahan corak pemikiran.

Komponen Akhlak: Reintegrasi Sosial dan Pembentukan Diri

Dalam model TriPSI, akhlak merangkumi nilai seperti malu, sabar, beradab, empati, dan menjaga maruah. Bagi golongan yang berhijrah, aspek ini kritikal dalam membina semula imej diri yang positif di mata masyarakat. Ibn Abi Jamrah memberi penekanan terhadap hadis “Sebaik-baik manusia ialah yang paling bermanfaat kepada orang lain” sebagai bentuk ihsan yang mencerminkan kasih sayang kepada sesama manusia (Ibn Abī Jamrah, 1997).

Antara langkah praktikal ialah:

1. Sesi bimbingan akhlak berasaskan hadis dengan penekanan kepada amal sosial.
2. Aktiviti komuniti seperti khidmat masyarakat untuk membina empati dan nilai diri.
3. Sesi muhasabah berkumpulan untuk menilai perubahan akhlak dan niat hijrah.

Kajian sosiologi Islam seperti oleh Al-Attas (1995) menegaskan bahawa transformasi akhlak adalah syarat kepada pemulihan spiritual yang menyeluruh, terutama bagi individu yang berdepan stigma sosial.

Hubungan Dengan Allah: Elemen Spiritual Intim

Model ini juga memasukkan dimensi hubungan langsung dengan Allah – termasuk komponen seperti tawakal, redha, doa, dan pembacaan Quran serta hadis. Hadis wanita pezina yang diampunkan kerana memberi minum kepada anjing dijelaskan oleh Ibn Abi Jamrah dengan menekankan nilai rahmat Ilahi yang melebihi dosa manusia (al-Bukhārī, 2002). Dapatan ini memberi mesej pengharapan yang kuat bahawa tiada siapa yang tertutup dari rahmat-Nya.

Aplikasi terapi termasuk:

1. Sesi pembacaan hadis dan tadabbur dengan bimbingan guru agama bertauliah.
2. Latihan penulisan doa peribadi bagi meluahkan isi hati dan harapan kepada Allah.
3. Melakukan muhasabah diri terhadap dosa-dosa yang telah dilakukan sebelum berhijrah.

Ini selari dengan teori spiritual coping oleh Pargament (2007), yang menyatakan bahawa hubungan dengan Tuhan menjadi sumber utama ketahanan dalaman.

Peranan Model TriPSI dalam Kerangka Terapi

Model TriPSI tidak sekadar menjadi rujukan konseptual, tetapi juga kerangka pelaksanaan bagi modul intervensi. Semua komponen dalam model ini telah digunakan untuk memetakan tema dan struktur modul yang sesuai dengan latar belakang dan cabaran unik golongan LGBT berhijrah. Keutuhan model ini diperkuat melalui integrasi nilai klasik daripada syarah hadis Ibn Abi Jamrah dan pendekatan semasa dalam terapi spiritual Islam.

Cadangan Ukuran Keberkesanan

Walaupun kajian ini bersifat kualitatif, keberkesanan model boleh diuji pada masa hadapan melalui:

- Skala pengukuran kesejahteraan spiritual (seperti Spiritual Well-Being Scale),
- Pre-post intervention menggunakan soal selidik terhadap peserta modul,
- Rujukan kepada kajian intervensi terdahulu seperti Uyun et al. (2019) yang menilai keberkesanan terapi istighfar ke atas pelajar Muslim dengan pendekatan kuantitatif.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa Model TriPSI yang disesuaikan dengan hadis-hadis *Mukhtasar Sahih al-Bukhari* dapat membentuk asas kukuh bagi Model Terapi Psiko-Spiritual untuk golongan LGBT yang berhijrah. Ia menyediakan pendekatan bersepadu antara pembinaan iman, pelaksanaan ibadah, dan penghayatan akhlak, serta hubungan spiritual yang mendalam. Pendekatan ini tidak hanya selari dengan nilai-nilai Islam tetapi juga sejajar dengan pendekatan psikospiritual moden. Maka, TriPSI bukan sekadar model teori, tetapi asas praktikal yang boleh dimanfaatkan dalam program kaunseling, modul sokongan, serta pendekatan dakwah berempati dan menyantuni.

Kesimpulan

Kajian ini menyoroti kepentingan pendekatan psikospiritual dalam menyantuni golongan LGBT yang melalui proses penghijrahan ke arah kehidupan yang lebih berlandaskan nilai Islam. Melalui analisis terhadap hadis-hadis terpilih dalam *Mukhtasar Sahih al-Bukhari* karya Ibn Abi Jamrah, didapati bahawa pendekatan beliau dalam mensyarahkan hadis sangat kaya dengan unsur rohaniah yang berupaya menyentuh aspek dalaman manusia. Elemen seperti keimanan yang tulus, ibadah yang penuh penghayatan, dan akhlak yang luhur bukan sahaja menjadi asas kepada kehidupan Muslim yang ideal, tetapi juga membentuk kerangka terapi psikospiritual yang amat sesuai diaplikasikan dalam konteks pemulihan identiti dan emosi golongan maknyah. Penekanan terhadap taubat, rahmat Allah, dan keikhlasan dalam perubahan menjadikan pendekatan ini inklusif serta membina harapan. Ia menggesa kita agar melihat proses hijrah bukan hanya dari sudut hukum dan syariat, tetapi juga dari perspektif kemanusiaan yang memahami realiti psikologi dan sosial individu. Oleh itu, pendekatan Ibn Abi Jamrah menawarkan satu dimensi baharu dalam usaha pemulihan golongan terpinggir, dengan memberi fokus kepada pembangunan hati dan jiwa serta penyucian diri secara menyeluruh.

Model Terapi Psiko-Spiritual Golongan LGBT berhijrah yang dicadangkan dalam kajian ini telah menunjukkan kesesuaian dan kesepadanan dengan nilai-nilai yang terkandung dalam syarah hadis Ibn Abi Jamrah. Komponen utama model ini – iaitu aqidah, ibadah, dan akhlak – bukan sahaja sejajar dengan prinsip-prinsip utama Islam, malah terbukti berkesan dalam menyokong pembentukan identiti spiritual dan emosi yang stabil. Dalam era kontemporari yang sarat dengan cabaran identiti dan tekanan sosial, pendekatan yang bersifat empatik, menyeluruh dan berpaksikan rahmat ini amat diperlukan, khususnya dalam konteks dakwah dan kaunseling Islam. Dapatan kajian ini membuka ruang kepada pengamal bimbingan, institusi pendidikan dan agensi dakwah untuk memperkenalkan modul terapi berasaskan pendekatan klasik tetapi

berimpak tinggi ini. Selain itu, kajian ini juga menyeru kepada pengkaji akan datang untuk memperluas penerokaan terhadap karya-karya ulama tradisional seperti Ibn Abi Jamrah sebagai sumber alternatif dalam membina rangka kerja terapi Islam yang kontemporari. Maka, gabungan antara warisan klasik dan pendekatan psikologi moden dalam menangani isu-isu spiritual dan identiti seksual mampu membentuk suatu pendekatan bimbingan Islam yang lebih seimbang, bersifat mendidik, dan penuh kasih sayang.

Penghargaan

Kajian ini dibiayai oleh Universiti Sains Islam Malaysia menerusi Geran Penyelidikan USIM-Industri 2024 dengan nombor rujukan PPPI/USIM-INDUSTRI/FPQS/USIM/12924.

Rujukan

- Agung Tirta Wibawa, Riyanda Utari, & Ulfa Yuniati. (2021). Pengalaman Public Figure Dalam Memaknai Hijrah. *J-KIs: Jurnal Komunikasi Islam*. <https://doi.org/10.53429/j-kis.v2i2.294>
- Ahmad Redzuwan Mohd Yunus. (2010). Pendekatan Dakwah Melalui Pendidikan Kepada Masyarakat Orang Asli di Negeri Pahang. *Journal of Islamic and Arabic Education*. 2(01), 57-64
- Andi, Y. H. (2019). Hijrah: Pemaknaan hijrah dan Alasan Menstransformasikan Diri secara Spiritual di Kalangan Mahasiswa. *Jurnal Emik*. 10.37064/jpm.v7i1.5607
- Al-Attas, S. M. N. (1995). *Prolegomena to the Metaphysics of Islam: An Exposition of the Fundamental Elements of the Worldview of Islam*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Al-Bukhari. (2000). *Sahih al-Bukhari* (Hadith no. 8). Beirut: Dar Ibn Kathir.
- Al-Ghazali. (2004). *Ihya' 'Ulum al-Din*. Kaherah: Dar al-Ma'arif.
- Al-Ghazali. (2004). *Ihya' 'Ulum al-Din*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Boyd, C., McCabe, S. & Hughes, T. (2020). Social stress and substance use among LGBT individuals: A review. *Journal of LGBTQ Issues in Counseling*, 14(1), 1–19.
- Che Zarrina, S. & Sharifah Basirah, S. A. (2013). Konsep tazkiyah al-nafs dalam terapi spiritual remaja Muslim. *Jurnal Hadhari*, 5(1), 19–30.
- Che Zarrina, S., Saodah, A. & Siti Fatimah, D. (2018). Pemerkasaan spiritual melalui pendekatan psikoterapi Islam. *Jurnal Usuluddin*, 48, 133–158.
- Frost, D. M., Meyer, I. H. & Schwartz, S. (2019). Social support networks among diverse sexual minority populations. *American Journal of Community Psychology*, 63(3–4), 405–417.
- Hashim, S. N. A. (2020). Pembangunan Modal Insan Melalui Konsep Tazkiyah Al-Nafs. *Jurnal Maw'izah*.
- Hatzenbuehler, M. L. (2016). Structural stigma and health inequalities: Research evidence and implications for policy. *American Journal of Public Health*, 106(5), 818–821.
- Hedayat-Diba, Z. (2000). The Islamic concept of the human psyche. In Koenig, H. G. (Ed.), *Handbook of Religion and Mental Health* (pp. 289–304). San Diego, CA: Academic Press.
- Ibn Abi Jamrah. (n.d.). *Mukhtasar Sahih al-Bukhari* (Ringkasan hadis sahih oleh Imam al-Bukhari).
- Ibn Qayyim. (2017). *Madarij al-Salikin*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Kamarulzaman, A. & Saifuddin, A. S. (2018). Inclusive Islamic approaches to social support. *Islamic Social Work Journal*, 3(1), 50–65.
- Kamarulzaman, A. K. & Saifuddin, A. S. (2018). Pendekatan spiritual dalam intervensi sosial: Satu analisis terhadap kaunseling Islam untuk LGBT. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 20(2), 105–121.
- Kurniawan, A., Daeli, S. I., Asbari, M., & Santoso, G. (2023). Krisis Moral Remaja di Era Digital. *Literaksi: Jurnal Manajemen Pendidikan*.

- Mardhiyyah Zamani & Nurazan Mohmad Rouyan. (2016). Pengaruh Serta Peranan Ibu Bapa Dalam Pembentukan Personaliti Dan Keperibadian Syed Qutb: Analisis Autobiografi “Kisah Seorang Anak Kampung”. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)*. 1(2), 106-115
- Meyer, I. H. (2020). Minority stress and mental health in LGBT populations. *Psychological Bulletin*, 146(6), 477–500.
- Mohd Manawi bin Mohd Akib, Nurul Shuhadah Binti Md Yahya, Hamdi Ishak, Ahmad Fakhrurrazi Mohammed Zabidi, Che Zarrina Sa’ari, Sharifah Basirah Syed Muhsin. (2024). Masalah Spiritual Remaja Berisiko Dan Faktor Yang Mempengaruhinya: Suatu Kajian Literatur. *Jurnal Pengajian Islam*, 17(02), 1-20.
- Mohd Zohdi Mohd Amin, Wan Fatimah Zahra’ Wan Yusoff, Norzulaili Mohd Ghazali. (2023). Program Bimbingan Komuniti Maknyah Di Johor: Satu Analisis Mengikut Kerangka Terapi Psiko-Spiritual Islam. Proceedings of the 9th International Conference on Quran as Foundation of Civilization (SWAT 2023). 754-768.
- Mustanski, B., Birkett, M., Greene, G. J., Hatzenbuehler, M. L. & Newcomb, M. E. (2017). Envisioning an inclusive research and policy agenda for LGBT youth. *Journal of Clinical Child & Adolescent Psychology*, 46(5), 687–701.
- Nasaruddin Umar. (2023). Psikoterapi Islam: Tazkiyah al-Nafs sebagai pendekatan kesihatan mental dalam masyarakat Islam kontemporari. *Jurnal Irsyad*, 11(1), 88–102.
- Nasir, R. & Muhamad, N. (2020). The role of Islamic spiritual practices in mental health resilience. *International Journal of Islamic Thought*, 18(2), 45–58.
- Noraini Mohamad, Siti Rashidah Abd Razak, Siti Zaleha Ibrahim. (2022). Kefahaman Terhadap Konsep Penghayatan Islam Dalam Keluarga Muslim Di Malaysia. Prosiding 6th Muzakarah Fiqh & International Conference 2022 (6th MFIFC 2022). 312-318.
- Norazlina, A. R. & Abu Yazid, A. M. (2018). Psikospiritual dalam pemulihan akhlak: Analisis terhadap pendekatan kaunseling Islam. *Jurnal Hadhari*, 10(1), 87–98.
- Nurhadhinah Omar Ali, & Dayangku Aslinah Abd. Rahim. (2020). Punca pengangguran dalam kalangan Belia Luar Bandar di Sarawak. *Jurnal Dunia Perniagaan*.
- Pargament, K. I. (2007). *Spiritually Integrated Psychotherapy: Understanding and Addressing the Sacred*. New York, NY: Guilford Press.
- Qaradawi, Y. (2006). *Taubat antara pengampunan dan pembentukan peribadi*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Rahman, F. (2018). *Islam and the Psychological Well-being of Individuals*. Oxford: Oxford University Press.
- Rahmatullah, A. S. (2019). QALBUN HEALING BERBASIS TASAWUF: UPAYA MENYEHATKAN JIWA TERHADAP HOMOSEKSUAL. *Psikis : Jurnal Psikologi Islami*. <https://doi.org/10.19109/psikis.v5i1.2572>
- Rosario, M. & Schrimshaw, E. W. (2019). The influence of social and psychological factors on relapse among LGBT individuals. *Journal of Counseling Psychology*, 66(2), 153–165.
- Salhah Abdullah, Sapora Sipon, Norhayati Rafida, Saedah A. Ghani, Marina Munira Abdul Mutalib, & Noratthiah Nordin. (2014). Model Taubat al-Ghazali. *’Ulum Islamiyyah Journal*.
- Shahril Nizam Zulkipli, Ishak Suliaman, Mohd Syukri Zainal Abidin, Norazmi Anas & Wan Kamal Nadzif Wan Jamil. (2023). Psikoterapi Nabawi Sebagai Rawatan Komplimentari Kejiwaan Dalam Menangani Isu Kesihatan Mental. *ISLĀMIYYĀT*. 45(1), 195-213.
- Suriadi Samsuri. (2023). Hakikat Fitrah Manusia dalam Islam. *Jurnal Pendidikan Islam al-Ishlah*. 18(01), 85-100
- Suriani Sudi, Noor Hafizah Mohd. Haridi, Khairul Hamimah Mohammad Jodi, Ahmad Munawar Ismail, Nasrudin Subhi, Siti Solehah Mat Aleh. (2022). Spiritual Individu

Menurut Psikospiritual Nabawi Untuk Pemulihan Golongan LGBT. *Journal of Islamic Social Scienses and Humanities*. 27(01), 81-94.
<https://doi.org/10.33102/abqari.vol27no1.524>

Wan Zuhaira Nasrin Wan Zainudin, Nur Syazana Adam & Nur Farha Muhammad Faleh Lai. (2024). Pendekatan Dakwah Tuan Guru Nik Abdul Aziz Kepada Saudara Baru di Kelantan. *Al-HIKMAH*. 16(1), 68-87.

Zuraidah Abdullah, Che Zarrina Sa'ari, Lee Wei Chang. (2018). Transgenderisme Di Malaysia: Pelan Bimbingan Kembali Kepada Fitrah Dari Perspektif Psikospiritual Islam. *Al-Afkar Journal for Islamic Studies*. 20(02), 279-322. <https://doi.org/10.22452/afkar.vol20no2.9>